mStar Online
citarasa semasa mstar.com.my



**BERITA**

Khamis Disember 8, 2011

# PPZ Wilayah Persekutuan Yakin Capai Sasaran Kutipan Zakat RM50 Juta Tahun Ini

**KUALA LUMPUR:** Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan yakin mencapai sasaran kutipan zakat perniagaan sebanyak RM50 juta bagi tahun ini dengan jangkaan 1,500 pembayar, yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Pengerusinya, Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata bagi 11 bulan pertama sahaja, PPZ telah mengutip kira-kira RM46.6 juta zakat tersebut berbanding 27.5 juta pada tempoh sama 2010.

"Ia merupakan peningkatan 69 peratus," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Percetakan Nasional Malaysia Bhd (PNMB) di sini Khamis.

Pada majlis itu, Pengarah Urusan PNMB Izham Yusoff menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM546,406 yang akan disalurkan kepada pihak Baitulmal untuk diagihkan.

Mustafa berkata, PPZ telah mengutip RM33.622 juta zakat perniagaan sepanjang tahun lepas dan RM29.114 juta pada 2009, iaitu peningkatan 15 peratus.

PPZ juga yakin 57 GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC)berpotensi untuk membayar zakat bagi tahun ini.

"Terdapat 146 GLC dan GLIC di Malaysia di mana 77 daripadanya berada di Kuala Lumpur," kata Mustafa.

Pada tahun ini, katanya 20 GLC dan GLIC telah melaksanakan tanggung jawab membayar, satu peningkatan yang baik berbanding 11 yang masing-masing pada 2010 dan 2009.

Mustafa berkata, RM13.750 juta zakat perniagaan telah diterima dari GLC dan GLIC setakat ini.

Sementara itu, PPZ akan membuka kesemua kaunter di tujuh pusat pungutan zakatnya selama tujuh hari sepanjang bulan Disember bermula 8.15 pagi hingga 4.45 petang.

Pusat pungutan itu meliputi Ibu pejabat PPZ di Shamelin Perkasa; Daruzzakah, Kg Baru; Masjid Negara; Seksyen 5, Wangsa Maju; Taman Tun Dr Ismail; Presint 9, Putrajaya; dan di Ujana Kewangan, Labuan. - **BERNAMA**



BERNAMA.COM
business

December 08, 2011 17:48 PM

# FT Zakat Centre Confident Of Collecting RM50 Million In Business Zakat

KUALA LUMPUR, Dec 8 (Bernama) -- The Zakat Collection centre of Federal Territories (PPZ) is confident of achieving its target of collecting business zakat amounting to RM50 million this year with an estimated 1,500 payers.

Its Chairman, Datuk Mustafa Abdul Rahman, said for the first 11 months of this year, PPZ had already collected RM46.6 million of the zakat compared with a collection of RM27.5 million in the same period of 2010.

"This is an increase by 69 per cent," he told the media at a ceremony here today where Percetakan Nasional Malaysia Bhd (PNMB) handed over its business zakat to PPZ.

At the event today, Managing Director of PNMB, Izham Yusoff handed over the company's business zakat of RM546,406 to be passed to Baitulmal for distribution.

Mustafa said PPZ had collected a total of RM33.622 million in business zakat last year and RM29.114 million in 2009.

He said PPZ was also confident that 57 government linked companies (GLC) and GLC investee companies (GLICs) had the potential to pay zakat this year.

"There are 146 GLCs and GLICs in Malaysia where 77 are in Kuala Lumpur," Mustafa said.

This year, 20 GLCs and GLICs have paid zakat compared with 11 companies in 2010, he said.

Mustafa also informed that these companies had paid a total of RM13.750 million in zakat so far.

PPZ will keep its counters opened at all its collection centres everyday this December from 8.15 am till 4.45 pm.

The centres are located at its headquarters in Shamelin Perkasa; Daruzzakah, Kg Baru; Masjid Negara; Section 5, Wangsa Maju; Taman Tun Dr Ismail; Precint 9, Putrajaya; and in Ujana Kewangan, Labuan.

-- BERNAMA

# Baucar buku RM200 sah 3 bulan

## Agihan melalui IPTA, IPTS, politeknik, sekolah mulai awal bulan depan

Oleh Syuhada Choo Abdullah
coo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Baucar buku RM200 untuk diagihkan kepada pelajar yang layak tidak lama lagi, sah laku selama tiga bulan dari 1 Januari sehingga 31 Mac tahun depan, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, baucar itu adalah untuk pembelian buku akademik, jurnal, majalah ilmiah serta peralatan pembelajaran berdasarkan keperluan institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing, dan pelajar tidak dibenarkan sama sekali menebusnya dengan wang tunai.

"Baucar buku boleh ditebus di semua kedai buku yang menyertai program ini. Penyertaan kedai buku adalah terbuka kepada semua. Tuntutan bayaran balik baucar akan dibuat oleh kedai buku terus kepada Bank Simpanan Nasional (BSN). Tuntutan hanya boleh dilakukan sehingga 30 April 2012," katanya dalam kenyataan akhbar, semalam.

Mohamed Khaled berkata, semua warganegara Malaysia yang berdaftar sebagai pelajar aktif di IPT awam (IPTA), IPT swasta (IPTS) dan politeknik serta mengikuti pengajian pada peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD), matrikulasi/asasi dan pengajian persediaan, termasuk pelajar Tingkatan Enam, secara sepenuh masa dan separuh masa di IPT dalam negara pada Januari depan, layak mendapat baucar buku berkenaan.

"Pengagihan baucar buku kepada pelajar dibuat melalui IPTA, IPTS, politeknik dan sekolah masing-masing pada bulan depan. Sila hubungi IPT dan sekolah masing-masing untuk mengambil baucar berkenaan.

"Semua IPT sudah menyediakan senarai pelajar berserta nombor kad pengenalan dan nombor matrik/pendaftaran mereka yang layak. Pelajar perlu memastikan nama, nombor kad pengenalan dan cop IPT masing-masing diisikan pada semua baucar bernilai RM50 setiap keping," katanya.

CHAN WAI YEW | BERITA HARIAN

# RM200 book vouchers can be collected from Jan 3

**PETALING JAYA:** Students in public and private local institutions of higher education, matriculation and Form Six can collect their RM200 book vouchers from Jan 3 next year.

Higher Education Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the vouchers are valid for three months from Jan 1 to March 31, 2012.

"Students are not allowed to exchange the vouchers for cash," he said in a statement.

Mohamed Khaled said eligible students must be Malaysians who are studying for a diploma, undergraduate or postgraduate degree, matriculation and Form Six.

"Students can collect the vouchers from their individual institutions or schools from Jan 3 next year," he said.

The higher education institutions have prepared a list of eligible students together with their identity card numbers or matriculation or registration numbers, he said.

Students, he added, must ensure that their names, identity card numbers and the stamp of their institution are filled on each voucher.

"Students can redeem the book vouchers from all participating book shops," he said.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak had announced during the Budget that Malaysian students in the said institutions and in Form 6 would receive the book vouchers worth RM200.